



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



KESAN FAKTOR PENERIMAAN TERHADAP KUALITI SISTEM E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR IPT DI MALAYSIA

THE EFFECT OF ACCEPTANCE FACTORS ON THE QUALITY OF E-LEARNING SYSTEMS AMONG HEI STUDENTS IN MALAYSIA

Marina Muhammad Razaki^{1*}, Suraini Saufi², Wan Nadiah Wan Mohd Nasir³, Izzat Syazwan Mustafa Kamal⁴

¹ Department of Muamalat, Faculty of Management and Information Technology, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Email: marina@kias.edu.my

² Department of Muamalat, Faculty of Management and Information Technology, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Email: suraini@kias.edu.my

³ Department of Muamalat, Faculty of Management and Information Technology, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Email: nadiah@kias.edu.my

⁴ Department of Muamalat, Faculty of Management and Information Technology, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Email: izzat@kias.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2023

Revised date: 14.04.2023

Accepted date: 25.05.2023

Published date: 12.06.2023

To cite this document:

Razaki, M. M., Saufi, S., Nasir, W. N. W. M., Kamal, I. S. M. (2023). Kesan Faktor Penerimaan Terhadap Kualiti Sistem E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar IPT Di Malaysia. *International Journal of Education,*

Abstrak:

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji kesan faktor penerimaan terhadap kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran seiring dengan negara maju. Kajian ini memberi kebaikan kepada dunia Pendidikan khususnya di peringkat Institusi Pengajian Tinggi yang menjadikan sistem e-pembelajaran sebagai salah satu medium utama dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan secara rentasan. Dapatan kajian menunjukkan tanggapan mudah guna ($\beta=0.342$, $p<.05$); sokongan teknikal ($\beta=0.260$, $p<.05$); ciri-ciri pensyarah ($\beta=0.203$, $p<.05$) dan tanggapan kebergunaan ($\beta=0.181$, $p<.05$) memberi kesan positif terhadap sistem kualiti e-pembelajaran. Ini membuktikan bahawa faktor penerimaan memberi kesan terhadap kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia. Kemajuan dan penggunaan teknologi ini adalah penting bagi membolehkan negara berada seiring dengan negara-negara maju dan dapat

Psychology and Counseling, 8 (50),
243-252.

DOI: 10.35631/IJEPC.850017

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



melahirkan modal insan yang berpengetahuan tinggi untuk menyumbang kepada kemajuan dalam sistem pendidikan dan sosio ekonomi negara.

Kata Kunci:

Sistem Pendidikan, E-pembelajaran, Institusi Pengajian Tinggi

Abstract:

This article aims to examine the effect of acceptance factors on the quality of e-learning systems among HEI students in Malaysia to meet the needs of teaching and learning in line with developed countries. This study is beneficial to the world of Education, especially at the level of Higher Education Institutions that make the e-learning system one of the main mediums in the teaching and learning system. This study uses a quantitative approach through a cross-sectional survey method. The findings of the study show the perception of ease of use ($\beta=0.342$, $p<.05$; technical support ($\beta=0.260$, $p<.05$); lecturer characteristics ($\beta=0.203$, $p<.05$) and the perception of usefulness ($\beta=0.181$, $p<.05$) has a positive effect on the quality of the e-learning system. This proves that the acceptance factors influence the quality of the e-learning system among HEI students in Malaysia. The advancement and use of this technology is important to enable the country to keep pace with the country-developed countries and can produce highly knowledgeable human capital to contribute to progress in the country's education and socio-economic systems.

Keywords:

Education System, E-learning, Higher Education Institutions

Pengenalan

Ancaman wabak COVID-19 yang melanda negara pada tahun 2019 telah menimbulkan rasa takut dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh sebab itu, pelbagai strategi telah dilakukan oleh pihak kerajaan Malaysia dalam mengurangkan tahap kebimbangan melibatkan isu ini. Salah satu strategi utama dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengawal wabak ini merebak ke dalam kehidupan rakyat Malaysia ialah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan PKP Fasa Satu bermula pada 18 Mac 2020 dan diikuti sebanyak empat fasa. Oleh yang demikian, pelaksanaan PKP telah menyebabkan keseluruhan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara diarahkan tutup dan para pensyarah wajib menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Situasi ini bersesuaian dengan keadaan ketika pandemik yang melanda Malaysia bagi memastikan setiap silibus pengajaran berjalan lancar dan dapat disempurnakan mengikut perancangan. Hasilnya kaedah pembelajaran secara e-pembelajaran telah diwujudkan dan diterima baik oleh para pelajar sehingga menjadikan kaedah ini sebagai satu mod pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat global. Mohd Najib et al., (2017) menerangkan bahawa salah satu medium paling berkesan dalam PdP adalah pengaplikasian e-pembelajaran. Menurut Mohd Najib et al., (2017) menjelaskan lagi bahawa aplikasi ini mampu mencapai dasar pembelajaran bersesuaian dengan kehendak pelajar, pihak berkepentingan, masyarakat dan pasaran. Hal ini turut disokong oleh Mohd Arshad et al., (2021) bahawa tahap penerimaan e-pembelajaran tidak hanya mengubah kaedah pengajaran tradisional secara bilik kuliah kepada atas talian malah menyumbang kepada persekitaran PdP yang diubah mengikut tahap kesesuaian.

Selain itu, pelbagai kemudahan aplikasi yang ditawarkan dalam e-pembelajaran untuk dipakai oleh pelajar di IPT. Antaranya *Massive Open Online Courses (MOOCs)*, *Google Meet*, dan *Microsoft Team*. Dengan kemudahan yang ditawarkan dalam platform e-pembelajaran ini memudahkan para pensyarah dan pelajar untuk mengakses pelbagai bahan untuk digunakan sewaktu sesi PdP secara atas talian. Pendekatan ini bersesuaian dengan matlamat para pensyarah untuk meningkatkan tahap motivasi serta memberi semangat kepada pelajar di samping mengubah kaedah pengajaran secara bersemuka kepada pengajaran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Menurut Mohd Arshad et al., (2021) cara penelitian ini dapat membuktikan penggunaan visual meningkatkan minat, pemahaman dan motivasi para pelajar. Persoalannya, sejauhmanakah faktor penerimaan dapat memberi kesan kepada kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia. Oleh sebab itu, satu kajian diperlukan bagi mengenal pasti kesan faktor penerimaan terhadap kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia.

Kajian Literatur

Bahagian ini menjelaskan tentang definisi e-pembelajaran secara umum dan merujuk kepada kajian-kajian lepas.

Definisi E-Pembelajaran

E-pembelajaran didefinisikan sebagai pembelajaran yang menggunakan alat digital dalam berinteraksi di antara para pelajar dengan tenaga pengajar demi untuk meningkatkan tahap kualiti dalam dunia Pendidikan (Yudhana & Kusuma, 2021). Dalam e-pembelajaran turut mempunyai prinsip antaranya adalah untuk transformasi tahap pengajaran dan pembelajaran secara konvensional kepada bentuk digital dengan mengaplikasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Naidu, 2006). Pendekatan e-pembelajaran kepada para pelajar dapat mendorong tahap pemikiran secara kritis dan kreatif sekaligus dapat menghasilkan suasana persekitaran pembelajaran yang lestari (Ismail, 2002). Calisir et al, (2015) pula menyatakan bahawa kualiti sistem merupakan faktor utama untuk pembentukan sistem e-pembelajaran yang berkesan dan boleh dimanfaatkan oleh pelajar. Jaber (2016) menggambarkan bahawa pelajar yang mempunyai komitmen terhadap sistem e-pembelajaran dan dinasihati oleh rakan mereka untuk menggunakan sistem e-pembelajaran akan mengubah tingkah laku mereka sehingga dapat menggunakan sistem tersebut dengan cekap dan berkesan. Mereka sepatutnya dapat menggunakan sistem e-pembelajaran untuk mencapai tahap optimum dalam pembelajaran (Alkhawaja, Sobihah, & Awang, 2020).

Penerimaan dan Aplikasi E-Pembelajaran di IPT

Kepentingan penggunaan teknologi media massa dalam PdP dapat dilihat melalui perkembangan kemajuan ICT telah membantu pendidik dan para pelajar menjalani proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Yusof & Tahir, 2017). Malahan penyelidikan ini juga selaras dengan kajian Jenal (2017) berkaitan kemunculan berbagai-bagai teknologi telah mewujudkan pelbagai medium pengajaran yang menjadikan proses pembelajaran dan penyaluran maklumat lebih pantas dan berkesan. Kajian oleh Ab Hamid dan Abd Rahman (2021) pula dalam mengenal pasti penerimaan para pelajar dari sebuah IPT di daerah Muallim, Perak terhadap pembelajaran dalam talian mendapati tahap penerimaan mereka adalah sederhana. Walaupun begitu, aktiviti pembelajaran menggunakan teknologi dalam talian tetap memberi impak positif kepada pelajar, melahirkan pelajar yang berdaya saing sekaligus mampu meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar setara dengan usaha yang mereka lakukan. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Wati dan Indriyanti (2021), persepsi atau tanggapan

kebergunaan dan tanggapan mudah guna teknologi dalam pembelajaran mempunyai pengaruh yang positif terhadap sikap dan perilaku pengguna.

Kepentingan E-Pembelajaran

Penggunaan e-pembelajaran dalam proses PdP merupakan satu medium yang berkesan dan efektif bagi mencapai misi IPT untuk menyediakan kemudahan pembelajaran yang kondusif kepada para pelajar. Dalam masa yang sama, penggunaan ini dapat mencapai dasar pembelajaran berkualiti untuk menepati kehendak kumpulan berkepentingan seperti pelajar, ibu bapa dan kakitangan IPT (Hazwani et al., 2017). Sejak tahun 2002 lagi, keberkesanan kaedah dan medium ini diakui efektif dan efisien (Lim, 2002). Pada tahun 2012, revolusi pembelajaran dengan kaedah ini masih dianggap baru dan dijangka berkembang dari semasa ke semasa (Al-Mobaideen et al., 2012). Kelebihan kaedah ini dipanjangkan lagi oleh kajian daripada Herman Dwi Surjono (2015) yang mengatakan kaedah ini menghasilkan sistem pembelajaran yang fleksibel (*flexible*) dan berteraburan (*distributed*). Fleksibel apabila merujuk kepada kemudahan pelajar yang boleh mendapatkan pengajaran tanpa had waktu dan tempat. Berteraburan di sini membawa maksud tiada had lokasi atau pengajar dan pelajar boleh berada di mana-mana dalam proses pembelajaran tersebut. Bahkan pelajar yang mengikuti kursus yang berkaitan teknologi seperti multimedia mampu memperolehi markah yang lebih tinggi apabila mengaplikasikan e-pembelajaran berbanding dengan kaedah lazim atau bersemuka. Walaupun sebelum ini, kaedah tutorial individu atau perseorangan merupakan kaedah yang paling berkesan dalam pengajaran, terdapat beberapa keadaan yang menghalang keberkesanan kaedah ini seperti kemampuan logistik dan kekangan kewangan dalam kalangan pelajar (Herman Dwi Surjono, 2015). Kaedah ini kemudiaannya menjadi satu keperluan apabila wabak Covid-19 melanda (Ai Bing & Jamaludin, 2021). Pelbagai kekangan lain menjadikan e-pembelajaran adalah sangat penting untuk meneruskan perkongsian ilmu dan meningkatkan taraf pengajian masyarakat.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan secara rentasan. Selain itu, kajian secara rentasan telah diaplikasikan dalam kajian ini bagi proses mengumpul data dan maklumat daripada sampel populasi yang telah ditentukan terlebih dahulu pada titik masa tertentu (Idris, 2010). Pendekatan kuantitatif telah dipilih dalam kajian ini kerana sangat bersesuaian dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti kesan faktor penerimaan terhadap kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia. Dalam kajian ini, populasi yang menjadi sasaran penyelidikan ialah keseluruhan pelajar IPT di Malaysia. Responden yang dipilih terdiri daripada pelbagai tahun pengajian serta pelbagai latar belakang bidang pengajian. Sampel kajian terdiri daripada 300 orang responden. Saiz sampel dipilih berdasarkan Sekaran (2019) yang mencadangkan kaedah asas dalam menentukan saiz sampel yang mana satu daripadanya ialah menyatakan saiz sampel di antara 30 hingga 500 adalah ideal untuk kebanyakan penyelidikan. Kajian ini juga menggunakan persampelan bukan kebarangkalian kerana setiap maklumat berkaitan dengan jumlah populasi kajian adalah sangat terhad. Oleh sebab itu, kajian ini tidak mempunyai satu kerangka persampelan secara spesifik dan teknik yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah teknik persampelan mudah.

Seterusnya, satu set borang soal selidik telah digunapakai dalam kajian ini yang mana telah diadaptasi, diubahsuai dan dibangunkan berdasarkan dari penyelidikan lepas iaitu Umbit dan Taat (2016). Set soal selidik ini mengadungi enam (6) bahagian iaitu Bahagian A melibatkan latar belakang responden; Bahagian B melibatkan tanggapan kebergunaan; Bahagian C melibatkan tanggapan mudah guna; Bahagian D melibatkan ciri-ciri pensyarah; Bahagian E melibatkan

sokongan teknikal dan Bahagian F melibatkan kualiti sistem e-pembelajaran. Set soal selidik ini mempunyai lima (5) pengukuran skala selang iaitu dari 1 sehingga 5. Skala selang 1 merujuk kepada sangat tidak setuju manakala 5 merujuk kepada sangat setuju untuk melihat kepada kesan faktor penerimaan terhadap kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia.

Dapatan Dan Perbincangan

Hubungan Tanggapan Kebergunaan Dan Kualiti Sistem E-Pembelajaran

Tanggapan kebergunaan dalam kajian ini merujuk kepada persepsi bahawa penggunaan sistem e-pembelajaran dapat meningkatkan prestasi pembelajaran. Secara umumnya, terdapat hubungan positif yang signifikan antara tanggapan kebergunaan dan kualiti sistem e-pembelajaran. Sebagai contoh dalam kajian Alzaza dan Yaakub (2016) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif antara tanggapan kebergunaan dan kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa. Demikian pula, kajian lain yang dilakukan oleh Al-Fraihat et al. (2019) menunjukkan adanya hubungan positif yang signifikan antara tanggapan kebergunaan dan kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan guru. Selain itu, beberapa kajian lain juga menunjukkan bahawa kualiti sistem e-pembelajaran dapat memperkuat hubungan antara tanggapan kebergunaan dan penggunaan sistem e-pembelajaran (Abdullah et al., 2016).

Hubungan Tanggapan Mudah Guna Dan Kualiti Sistem E-Pembelajaran

Tanggapan mudah guna bermaksud pengguna mempercayai bahawa teknologi atau pun sistem dapat digunakan dengan mudah dan bebas dari sebarang masalah (Davis, 1989). Konsep ini agak umum dan digunakan secara meluas dalam berbagai-bagai bidang seperti pendidikan dan teknologi. Satu kajian sebelum ini menggunakan analisis regresi berganda terhadap pelajar yang sedang mengikuti pengajian Multimedia mendapati faktor psikologi seperti keseronokan dan efikasi sendiri dan faktor teknologi seperti kualiti sistem dan ciri kandungan adalah pengaruh utama tanggapan mudah guna pelajar terhadap laman perkongsian video pendidikan berfokus (Md Ali & Mohamad Ali, 2019). Selain itu, kajian lain yang dilakukan oleh Wang et al. (2017) menunjukkan bahawa tanggapan mudah guna mempengaruhi persepsi kualiti sistem e-pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa semakin mudah penggunaan sistem e-pembelajaran, maka semakin tinggi persepsi pengguna terhadap kualiti sistem tersebut. Secara keseluruhan, terdapat bukti yang kuat bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara tanggapan mudah guna dan kualiti sistem e-pembelajaran. Oleh itu, adalah penting bagi penyedia sistem e-pembelajaran untuk memastikan bahawa sistem yang disediakan mudah digunakan oleh pengguna agar dapat meningkatkan kepuasan pengguna dan penggunaan sistem tersebut.

Hubungan Ciri-Ciri Pensyarah Dan Kualiti Sistem E-Pembelajaran

Ciri-ciri seseorang pensyarah telah didapati mempunyai pengaruh terhadap penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar (Sun et al., 2008; Waheed dan Hussain, 2010; dan Mohd Arshad et al., 2021). Sun et al. (2008) mendapati bahawa sikap pensyarah terhadap penggunaan komputer dan rangkaian teknologi dalam penyampaian pendidikan dan latihan akan memberi kesan kepada sikap pelajar dan mempengaruhi prestasi mereka. Waheed dan Hussain (2010) menyatakan bahawa sikap pensyarah dan bagaimana cara mereka mengurus pelajar serta persepsi terhadap teknologi baru merupakan antara penyumbang kepada keberkesanan sistem e-pembelajaran. Peranan pensyarah dalam penyebaran maklumat, pengendalian e-pembelajaran dan gaya pengajaran dapat memberi kepuasan serta mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Mohd Arshad et al. (2021) juga telah menjelaskan ciri-

ciri pensyarah yang boleh meningkatkan penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran iaitu memberikan galakan kepada pelajar untuk mengambil bahagian dalam kelas, mesra terhadap setiap pelajar, aktif mengajar subjek melalui e-pembelajaran dan menerangkan bagaimana untuk menggunakan sistem e-pembelajaran. Secara keseluruhan, terdapat bukti bahawa ciri-ciri pensyarah mempunyai hubungan dengan kualiti sistem e-pembelajaran.

Hubungan Sokongan Teknikal Dan Kualiti Sistem E-Pembelajaran

Sokongan teknikal merujuk kepada tugas dan tanggungjawab institusi dalam menyediakan sokongan persekitaran bantuan pembelajaran maya dengan menggunakan sokongan organisasi bagi penggunaan pakej sistem perisian (Zheng et al., 2018). Setiap sistem yang dibangunkan memerlukan sokongan teknikal bagi memastikan pelaksanaan dapat dibuat dengan sebaiknya. Sokongan ini dalam pembangunan teknologi khususnya adalah amat penting bagi memudahkan pihak pengguna yang selalu berhadapan dengan masalah yang berkaitan (Md Ali & Mohamad Ali, 2019). Kajian oleh Rahman et al. (2017) menunjukkan bahawa sokongan teknikal yang berkualiti dapat meningkatkan kepuasan pengguna terhadap sistem e-pembelajaran. Kajiannya juga menemukan bahawa sokongan teknikal yang baik dapat mempengaruhi motivasi dan niat pengguna untuk menggunakan sistem. Oleh itu, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa sokongan teknikal mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kualiti sistem e-pembelajaran.

Hasil Analisis

Dalam kajian ini, analisis regresi telah dijalankan ke atas empat (4) hipotesis kajian bagi menjawab objektif berkaitan dengan kesan faktor penerimaan terhadap kualiti e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia. Hipotesis kajian tersebut adalah H1: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara tanggapan kebergunaan dan kualiti sistem e-pembelajaran; H2: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara tanggapan mudah guna dan kualiti sistem e-pembelajaran; H3: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara ciri-ciri pensyarah dan kualiti sistem e-pembelajaran; dan H4: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara sokongan teknikal dan kualiti sistem e-pembelajaran.

Berdasarkan Jadual 1, hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa nilai R^2 sebanyak 0.609 (Model 1) menunjukkan bahawa sebanyak 78.0 peratus ($r=0.78$) perubahan dalam pemboleh ubah kriterium (kualiti e-pembelajaran) adalah disebabkan oleh perubahan dalam pemboleh ubah peramal, iaitu tanggapan mudah guna. Ini bererti bahawa tanggapan mudah guna merupakan faktor utama kepada kualiti e-pembelajaran. Nilai R^2 sebanyak 0.701 ($r=0.837$) bagi Model 2 menunjukkan bahawa sebanyak 83.7 peratus perubahan dalam pemboleh ubah kriterium (kualiti e-pembelajaran) adalah disebabkan oleh perubahan dalam kombinasi tanggapan mudah guna dan sokongan teknikal. Jika dilihat pada kombinasi bagi keempat-empat pemboleh ubah peramal menyumbang sebanyak 73.1 peratus ($r=0.855$) perubahan varians dalam pemboleh ubah kriterium kualiti sistem e-pembelajaran.

Jadual 1: Ringkasan Model

<i>Model</i>	<i>R</i>	<i>R Square</i>	<i>Adjusted R Square</i>	<i>Std. Error of the Estimate</i>
1	.780 ^a	.609	.608	.37992
2	.837 ^b	.701	.699	.33278
3	.850 ^c	.722	.719	.32149
4	.855 ^d	.731	.728	.31668

a. *Predictors: (Constant), Tanggapan Mudah Guna*

b. *Predictors: (Constant), Tanggapan Mudah, Sokongan Teknikal*

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

c. *Predictors: (Constant)*, Tanggapan Mudah, Sokongan Teknikal, Ciri Pensyarah

d. *Predictors: (Constant)*, Tanggapan Mudah, Sokongan Teknikal, Ciri Pensyarah, Tanggapan Kebergunaan

e. *Dependent Variable*: Kualiti sistem e-pembelajaran

Manakala Jadual 2 pula menjelaskan tentang keputusan ANOVA bagi Model Regresi. Hasil analisis menunjukkan bahawa secara signifikan, keempat-empat pemboleh ubah peramal merupakan faktor kepada kualiti sistem e-pembelajaran $F(4,295) = 200.580$, $p < .05$.

Jadual 2: ANOVA

<i>Model</i>		<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean square</i>	<i>f</i>	<i>sig</i>
1	<i>Regression</i>	67.030	1	67.030	464.400	.000 ^b
	<i>Residual</i>	43.013	298	.144		
	<i>Total</i>	110.043	299			
2	<i>Regression</i>	77.151	2	38.576	348.329	.000 ^c
	<i>Residual</i>	32.891	297	.111		
	<i>Total</i>	110.043	299			
3	<i>Regression</i>	79.450	3	26.483	256.241	.000 ^d
	<i>Residual</i>	30.593	296	.103		
	<i>Total</i>	110.043	299			
4	<i>Regression</i>	80.459	4	20.115	200.580	.000 ^e
	<i>Residual</i>	29.584	295	.100		
	<i>Total</i>	110.043	299			

a. *Dependent Variable*: Kualiti sistem e-pembelajaran

b. *Predictors: (Constant)*, Tanggapan Mudah Guna

c. *Predictors: (Constant)*, Tanggapan Mudah Guna, Sokongan Teknikal

d. *Predictors: (Constant)*, Tanggapan Mudah Guna, Sokongan Teknikal, Ciri Pensyarah

e. *Predictors: (Constant)*, Tanggapan Mudah Guna, Sokongan Teknikal, Ciri Pensyarah, Tanggapan Kebergunaan

Keputusan dalam Jadual 3 menunjukkan keempat-empat pekali regresi piawaian bagi pemboleh ubah peramal iaitu tanggapan mudah guna ($\beta = 0.342$, $p < .05$; sokongan teknikal ($\beta = 0.260$, $p < .05$); ciri-ciri pensyarah ($\beta = 0.203$, $p < .05$) dan tanggapan kebergunaan ($\beta = 0.181$, $p < .05$) yang signifikan menunjukkan bahawa pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah faktor dan memberi impak positif kepada tahap kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia sekali gus mampu menyokong kesemua hipotesis yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3: Nilai Pekali

<i>Model</i>		<i>Unstandardized coefficients</i>		<i>Standardized Coefficients</i>	<i>t</i>	<i>Sig.</i>
		<i>B</i>	<i>Std. Error</i>	<i>Beta</i>		
1	(Constant)	1.327	.114		11.620	.000
	TMG	.644	.030	.780	21.550	.000
2	(Constant)	.945	.108		8.768	.000
	TMG	.465	.032	.564	14.455	.000
	ST	.296	.031	.373	9.560	.000
3	(Constant)	.735	.113		6.494	.000

	TMG	.389	.035	.472	11.123	.000
	ST	.221	.034	.279	6.546	.000
	CP	.197	.042	.220	4.716	.000
4	(Constant)	.744	.112		6.674	.000
	TMG	.282	.048	.342	5.850	.000
	ST	.206	.034	.260	6.133	.000
	CP	.182	.041	.203	4.401	.000
	TK	.144	.045	.181	3.172	.002

a. *Dependent Variable: Kualiti sistem e-pembelajaran*

Daripada hasil dapatan kajian ini menjelaskan bahawa keempat-empat faktor penerimaan telah memberi impak sangat positif terhadap kualiti e-pembelajaran yang melibatkan tanggapan kebergunaan, tanggapan mudah guna, ciri-ciri pensyarah dan sokongan teknikal.

Kesimpulan

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keempat-empat pekali regresi piawai pemboleh ubah peramal, iaitu tanggapan mudah guna ($\beta = 0.342$, $p < .05$), sokongan teknikal ($\beta = 0.260$, $p < .05$), ciri pensyarah ($\beta = 0.203$, $p < .05$) dan tanggapan kebergunaan ($\beta = 0.181$, $p < .05$) adalah signifikan dan ini membuktikan bahawa pemboleh ubah–pemboleh ubah tersebut memberi kesan positif kepada kualiti sistem e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia sekali gus menyokong kesemua hipotesis kajian. Kajian yang dijalankan ini diharap dapat menyumbang kepada perkembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang pendidikan. Hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan terutamanya institusi pengajian tinggi, para pensyarah dan penyelidik bidang pendidikan untuk memperkasa khazanah pengetahuan mereka dalam bidang e-pembelajaran.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dalam membantu dari segi pembiayaan geran penyelidikan yang bertajuk “Kesan Faktor Penerimaan terhadap Kualiti Sistem E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar IPT di Malaysia” dan sokongan dalam menyiapkan penulisan makalah ini.

Rujukan

- Abdullah, F., Ward, R., & Ahmed, E. (2016). Investigating the influence of the most commonly used external variables of TAM on students' Perceived Ease of Use (PEOU) and Perceived Usefulness (PU) of e-portfolios. *Computers in Human Behavior*, 63, 75-90.
- Ab Hamid, N. A & Abd Rahman, M. J (2021). Penerimaan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Terhadap Pembelajaran Dalam Talian: Tinjauan Di Daerah Muallim Perak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2).
- Ai Bing, Wong, Jamaludin, Khairul Azhar. (2021). Pembelajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 408-414.
- Alkhawaja, M. I., Sobihah, M., & Awang, Z. (2020). Exploring and Developing an Instrument for Measuring System Quality Construct in The Context of E-Learning. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(11), 403-413.
- Al-Fraihat, D., Joy, M., & Sinclair, J. (2019). Evaluating the effectiveness of the e-learning experience in higher education. *Journal of Education and Computing Research*, 3(1), 1-18.

- Al-Mobaideen, H., Allahawiah, S., & Alkhawaldeh, A. (2012). Factors Influencing the Effectiveness of E-Learning Systems in The Educational Process, Electronic Learning System, (Eduwave): Jordan case study. *European Scientific Journal*, 8(28).
- Alzaza, N. S., & Yaakub, A. R. (2016). Students' perceptions of e-learning systems quality and availability. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 11(9), 52-58.
- Calisir, F., Gumussoy, C. A., Bayraktaroglu, A. E., & Karaali, D. (2015). Predicting the Intention to Use a Web-Based Learning System: Perceived Content Quality, Anxiety, Perceived System Quality, Image, and the Technology Acceptance Model, 24(5), 515–531.
- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, And User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*, 13 (3), 318–339.
- Hazwani Mohd N., Noor Raudhiah Abu B. and Norziah O. (2017). E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor. Selangor. Malaysian atas talian. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 74-82.
- Herman Dwi Surjono. (2015). The Effects of Multimedia and Learning Style on Student Achievement in Online Electronics Course, *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 14(1).
- Ismail, J. (2002) The Design of an E-Learning System: Beyond the Hype. The Internet and Higher Education.
- Idris, N. (2010). Penyelidikan dalam pendidikan (2010), Kuala Lumpur, Mc Graw Hill.
- Lim, Jonathan LH. (2002). e-Learning: A New Frontier in Education. Dalam Seminar Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan Maktab Perguruan Batu Lintang, 18-19 September 2002, Kuching.
- Jaber, O. A. (2016). An Examination of Variables Influencing the Acceptance and Usage of E-Learning Systems in Jordanian Higher Education Institutions, 244.
- Jenal, M. Z. (2017). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik: Satu Tinjauan Kes Di Kolej Komuniti Kuala Langat. In *eProceedings iCompEx17 Academic Paper*.
- Md Ali, S., & Mohamad Ali, A. Z. (2019). Pengaruh tanggapan mudah guna dalam penerimaan terhadap laman perkongsian video pendidikan berfokus. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 8(1), 1-15.
- Mohd Arshad, N., Hassan, Z. dan Mohd Noh, S. T. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Port Dickson: Kajian Kes Semester 4 Diploma Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 10 (1), 107-123.
- Mohd Najib, H., Abu Bakar, N. R., Othman, N. (2017). E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor. Attarbawiy: Malaysian Online. *Journal of Education*, 1(1), 74-82.
- Naidu, S (2006). E-Learning: A Guidebook of Principles, Procedures and Practices, 2nd Revised Edition, CEMCA.
- Rahman, A. A., Rahim, R. A., Yusoff, R. C. M., & Ibrahim, Z. (2017). A study on the impact of technical support service quality on e-learning satisfaction. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*, 95(10), 2187-2195.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2019). *Research methods for business*. John Wiley & Sons, Incorporated.
- Sun, P. C., Tsai, R. J., Finger, G., Chen, Y. Y., & Yeh, D. (2008). What Drives a Successful E-Learning? An Empirical Investigation of The Critical Factors Influencing Learner Satisfaction. *Computers & education*, 50(4), 1183-1202.

- Umbit, A. F. dan Taat, M. S. (2016). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penerimaan E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Institute. *Jurnal Penyelidikan IPGK*, 13, 1-14.
- Waheed, M., & Hussain, M. F. (2010). Empirical study of e-learner contentment towards eLearning: Influential role of key factors. *The 2010 MIT LINC Conference in Stratton Center on the MIT Campus*. Boston, 23 – 26 May
- Wang, Q., Chen, L., & Liang, Y. (2017). The Effects of Perceived Ease of Use, Perceived Usefulness, And Perceived Enjoyment on User Acceptance of E-Learning Systems. *Computers in Human Behavior*, 70, 1-9.
- Wati, D. N. S., & Indriyanti, A. D. (2021). Pengukuran Penerimaan Teknologi dan Pengaruh Kualitas E-Learning terhadap Efektifitas Pembelajaran pada Perguruan Tinggi Menggunakan Metode TAM dan Webqual. *Journal of Emerging Information System and Business Intelligence (JEISBI)*, 2(3), 1-7.
- Yudhana, A. S. L., & Kusuma, W. A. (2021). Kelebihan dan Kekurangan Pembelajaran Jarak Jauh Atau E-Learning dan Learning Management System (LMS) Menggunakan Pendekatan Literature Review, dan User Persona. *Jurnal Syntax Admiration*, 2(9), 1617-1628.
- Yusof, M. N. M., & Tahir, Z. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan IPTA. *e-BANGI*, 12(3), 1-10.
- Zheng, Y., Wang, J., Doll, W., Deng, X., & Williams, M. (2018). The Impact of Organisational Support, Technical Support, And Self-Efficacy on Faculty Perceived Benefits of Using Learning Management System. *Behaviour & Information Technology*, 37(4), 311-319.